



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN ANTARABANGSA MENUNJUKKAN MALAYSIA MENGEKALKAN KADAR KEHILANGAN HUTAN PADA PARAS RENDAH

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) mengambil maklum akan laporan terbaru oleh World Resources Institute Global Forest Watch dan University of Maryland mengenai isu penebangan hutan secara global.

Laporan itu menyatakan bahawa Malaysia telah berjaya mengekalkan kadar kehilangan hutan pada paras yang rendah. Secara keseluruhannya, Malaysia mengurangkan kehilangan hutan utamanya sebanyak 57 peratus pada tahun 2022, meletakkan negara ini di tempat keempat dalam 10 negara teratas dalam pengurangan kehilangan hutan utama setakat tahun 2022.

NRECC mengalu-alukan perkembangan positif yang dinyatakan dalam laporan tersebut. Pencapaian ini disebabkan oleh beberapa inisiatif, termasuk penguatkuasaan yang lebih ketat, pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang semakin disebar luas, Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT) untuk inisiatif Pemuliharaan Biodiversiti; yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan ketika ini, dan tindakan proaktif pelbagai kerajaan negeri dalam melindungi hutan mereka.

Perlu diingatkan bahawa semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992, Malaysia telah menyatakan komitmennya untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara supaya dilitupi pokok-pokok dan kawasan berhutan.

Sehingga kini, Malaysia masih mengekalkan komitmen tersebut di mana kawasan berhutan adalah seluas 18.05 juta hektar atau 54.58 peratus daripada keluasan tanah negara. Selain itu, Laporan Penilaian Sumber Hutan Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2020 (United Nations Global Forest Resource Assessment Report 2020) menyenaraikan Malaysia sebagai salah satu negara yang diiktiraf sebagai negara Hutan Tinggi, Penebangan Hutan Rendah (High Forest, Low Deforestation) di kalangan 25 negara membangun yang lain.

NRECC bagaimanapun menyedari bahawa Malaysia tidak boleh leka dan banyak lagi usaha perlu dilakukan untuk memastikan kehilangan hutan utama negara kita dihentikan sepenuhnya dalam masa terdekat.

Oleh itu, NRECC akan terus melaksanakan beberapa inisiatif, termasuk memperkasakan perundangan seperti Akta Perhutanan Negara 1984, meningkatkan usaha untuk mewartakan kawasan hutan termasuk di kawasan Central Forest Spine dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar, meningkatkan peruntukan EFT pada 2023 kepada RM150 juta (peningkatan sebanyak 150 peratus sejak pelaksanaannya pada tahun 2019) dan pelbagai usaha lain ke arah peningkatan pemuliharaan hutan negara.

Kami mengalu-alukan semua pemegang taruh, termasuk kerajaan negeri, sektor swasta dan masyarakat sivil, bersama-sama NRECC untuk memperkasakan pengurusan dan pembangunan hutan serta mengekalkan kawasan hutan sedia ada demi kelestarian alam sekitar.

Kami menggesa semua rakyat Malaysia untuk terus menyokong usaha kami dalam melindungi hutan sebagai salah satu sumber negara yang paling penting, untuk memastikan kita dapat mewariskan warisan yang paling berharga ini kepada anak-anak kita dan anak-anak mereka jua.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
1 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

PRESS STATEMENT

INTERNATIONAL REPORT SHOWS MALAYSIA'S PRIMARY FOREST LOSS AT NEAR RECORD LOWS

The Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change (NRECC) notes the recent report by the World Resources Institute's Global Forest Watch and the University of Maryland on global deforestation.

The report noted that Malaysia has managed to keep rates of primary forest loss to near record-low levels. Overall, Malaysia reduced its primary forest loss by 57% as of 2022, placing us fourth among the top 10 countries for reduction in primary forest loss as of 2022.

The NRECC welcomes the positive developments acknowledged in the report. This achievement was due to a number of initiatives, including stricter enforcement, the spread of the Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) certification, the Ecological Fiscal Transfers (EFT) for Biodiversity Conservation initiative; which is being institutionalised by the current government, and the proactive action of the various state governments in protecting their forests.

It should be noted that at the 1992 Rio Earth Summit, Malaysia committed to maintain at least 50% of its forest cover and that we have held to this pledge, with the country's forest cover at 54.58% or 18.05 million hectares. The *United Nations Global Forest Resource Assessment Report 2020* also listed Malaysia as a "High Forest, Low Deforestation" nation among 25 other developing peers.

The NRECC however is aware that Malaysia cannot be complacent and more needs to be done to ensure that the loss of primary forests of our country is halted completely in the near future.

We will therefore continue to undertake a number of initiatives, including strengthening legislation such as the National Forestry Act 1984, increasing efforts to gazette forested areas including in the Central Forest Spine and Environmentally Sensitive Areas, increasing the EFT allocation in 2023 to RM150 million (a 150% increase since its first implementation in 2019) and others towards enhancing the conservation of our forests.

We welcome all stakeholders, including the various state governments, the private sector and civil society, to work together with the NRECC to strengthen the management of our forests as well as ensuring that our forest land remains as forest land.

We urge all Malaysians to continue to back our efforts to protect forests as one of our nation's most crucial resources, to ensure we can pass on this most precious heritage to our children and their children.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MINISTER OF NATURAL RESOURCES, ENVIRONMENT AND CLIMATE CHANGE (NRECC)
1 JULY 2023

Corporate Communication Unit | Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Fax : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia